

# Pekan hab ternakan kambing Asia Tenggara

PEKAN 21 April - Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, Projek Agropolitan yang dilaksanakan di Runchang dan Batu 8 di sini, akan menyaksikan Pekan sebagai hab ternakan kambing biri-biri dorper terbesar di Asia Tenggara dalam tempoh 10 tahun akan datang.

Perdana Menteri berkata, projek yang dilaksanakan di kedua-dua kawasan itu mampu menghasilkan sehingga 25,000 ekor kambing biri-biri dorper dan boleh meningkatkan pendapatan peserta yang terdiri daripada Orang Asli sehingga RM5,000 sebulan.

Menurut beliau, sejak projek itu dilaksanakan pada Ogos 2008, sehingga kini berjaya menjana pendapatan tetap bulanan masyarakat Orang Asli RM750 hingga RM1,200 sebulan.

"Kita harap dapat melihat pendapatan peserta Orang Asli terus dipertingkatkan yang mana sasaran pendapatan mereka tidak lama lagi mampu mencecah RM5,000 sebulan," katanya di sini hari ini.

Najib berkata, perkara itu dapat disaksikan pada acara lelongan biri-biri dorper pertama yang dianjurkan oleh Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) yang berjaya meraih jualan RM265,000 melibatkan 465 ekor kambing biri-biri dorper.

Terdahulu, dalam program Lelongan Amal ECER Pekan Dorper yang diadakan di Dataran Pekan di sini, sebanyak 350 ekor biri-biri jenis sama dijual dalam lelongan awam yang diadakan berasingan pada sebelah pagi.

Pada sebelah petang pula, sebanyak 50 ekor haiwan itu dilelong



**NAJIB Tun Razak bergambar bersama sebahagian Orang Asli yang terlibat dalam Projek Agropolitan ECER Runchang, Pekan, Pahang, semalam. Turut hadir, Adnan Yaakob dan Jebasingam Isaac. - MINGGUAN/MAHATHIR ALI**

dalam acara amal kepada pembida daripada 12 syarikat korporat yang diundang khas pada program tersebut.

Hasil jualan dari lelongan tersebut akan disalurkan semula kepada peserta projek berkenaan dalam bentuk bonus dan insentif.

Terdahulu, Perdana Menteri melakukan tinjauan mesra di sepanjang Pesisiran Warisan Pekan selama setengah jam untuk bertemu dan beramah mesra dengan pengusaha kecil dan sederhana (PKS) di bawah ECER dan peniaga di bandar berkenaan.

Turut serta, Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob dan Ketua Eksekutif ECER, Datuk Jebasingam Isaac.

Selepas majlis tersebut, Najib mengunjungi rumah Pengerusi Tetap UMNO Cawangan Ketapang Hilir, Abdul Mamaf Sudin, 57, beri-

kutan kediamannya musnah dalam kebakaran yang berlaku pada pukul 10.30 pagi semalam.

Serentak dengan itu, Perdana Menteri menghulurkan sumbangan RM10,000 melalui Yayasan Tun Rahah manakala RM10,000 lagi oleh kerajaan negeri.